

9 lelaki di Laos kena kurung dengan majikan

Kuala Lumpur: Sembilan lelaki rakyat Malaysia yang kini dipercayai berada di Laos mendakwa dikurung dan dipukul 'majikan' mereka selepas terpedaya dengan tawaran pekerjaan yang menjanjikan pulangan lumayan.

Semua mangsa dipercayai 'terjebak' sebagai pegawai khidmat pelanggan sindiket penipuan dalam talian.

Ibu seorang daripada mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Wendy, 43, mendakwa anaknya berusia 23 tahun sebelum ini mendapat pekerjaan di Dubai pada Februari lalu.

Katanya, dia tidak mengetahui pekerjaan anaknya namun sering mendapat panggilan video dan telefon daripada anaknya ketika berada di Dubai.

"Pada April tahun ini, anak ada telefon dan beritahu dia bersama lapan rakannya berada di Laos dan masih boleh dihubungi.

"Saya terkejut apabila pada Jun lalu dia beritahu mahu lari daripada syarikatnya bekerja kerana tidak diberikan makanan dan minuman akibat tidak mahu menjadi telefon *scammer* (pegawai khidmat pelanggan sindiket penipuan)," katanya ketika dihubungi BERNAMA.

Wendy berkata, dia turut menerima gambar memaparkan kecederaan dialami anak dan rakan anaknya serta hatinya menunggu anaknya itu untuk menghubunginya.

Buat laporan polis

Dia yang bimbang dengan keadaan itu sudah membuat laporan polis dan berharap anak tunggalnya dapat dibantu dan dibawa pulang ke tanah air segera.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Beh Eng Laim, ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan itu pada Rabu lalu dan satu kertas siasatan dibuka.

Sebelum ini, seramai 16 rakyat Malaysia dipaksa bekerja sebagai *scammer* oleh satu sindiket di Preah Sihanouk di Kemboja selepas terpedaya dengan iklan pekerjaan dan diselamatkan pada 5 April lalu.

Pada 12 April, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, berkata pihaknya menerima 35 laporan membabitkan 45 warga Malaysia yang dipercayai terkandas di luar negara seperti Myanmar, Thailand dan Laos disyaki menjadi mangsa sindiket penipuan. BERNAMA